

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI



PELAN STRATEGIK

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

PEJABAT MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI JALAN
PADANG,
81900 KOTA TINGGI,
JOHOR DARUL TA'ZIM

2021 - 2030

PELAN STRATEGIK MDKT

2021 - 2023

02 PERUTUSAN YANG DIPERTUA MDKT

03 KATA ALUA-ALUAN PENERUSI JAWATANKUASA
PELAN STRATEGIKMDKT

04 RINGKASAN EKSEKUTIF

05 **1** PENGENALAN

- I. SEJARAH DAN LATAR BELAKANG
- II. CARTA ORGANISASI MDKT
- III. FUNGSI DAN PERANAN MDKT
- IV. PUNCA KUASA MDKT
- V. PEMEGANG TARUH
(STAKEHOLDERS) DAN
PELANGGAN MDKT

13

2 HALA TUJU
STRATEGIK

- I. VISI, MISI, MOTO DAN
SLOGAN MDKT
- II. OBJEKTIF KUALITI

17

3 STRATEGI DAN
FORMULASI
TINDAKAN

- I. KAEDAH PENYEDIAAN PELAN
STRATEGIK
- II. ANALISA SWOT
- III. ANALISA PESTEL
- IV. TERAS STRATEGIK 2021-2030
- V. PELAN TINDAKAN
 - STRATEGI-STRATEGI TERAS
 - PELAN TINDAKAN INDIKATOR
 - SASARAN
 - TAHUN SASARAN
 - JABATAN/ UNIT/ BAHAGIAN
BERTANGGUNGJAWB

51

PENUTUP

ISI KANDUNGAN



PERUTUSAN YANG DIPERTUA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera

Selamat datang dan terima kasih diucapkan kerana melayari laman sesawang www.mdktd.gov.my ini. Selaku Yang Dipertua MD Kota Tinggi, saya merasa bangga dengan Kepesatan Teknologi maklumat dan Komunikasi (ICT) membolehkan MD Kota Tinggi menyalurkan maklumat dengan cepat untuk pengetahuan semua.

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dan kesejahteraan masyarakat, MD Kota Tinggi sentiasa berusaha untuk memberikan maklumat yang tepat dan menyediakan perkhidmatan yang berkesan agar dapat menepati keperluan masyarakat setempat. Selain kemudahan seperti ini, MD Kota Tinggi juga turut menyediakan saluran lain dalam penyampaian aduan melalui aplikasi Whatsapp, Facebook dan Twitter dan saya berharap dengan adanya kemudahan seperti ini, MD Kota Tinggi mampu untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan lebih cekap dan berkesan di samping dapat menyalurkan maklumat dengan tepat, cepat dan terkini dan dapat memastikan aduan pelanggan dipenuhi sepenuhnya.

Penggunaan teknologi mudah alih serta jaringan internet sebagai wadah penyelesaian urusan harian serta mendapatkan informasi semakin digemari, sejajar dengan perkembangan teknologi komunikasi masakini. Menelusuri realiti kaedah dan trend semasa, MD Kota Tinggi komited untuk menyediakan laman web yang mesra pengguna dengan kemudahan perkhidmatan atas talian yang cekap dan berkesan bagi memenuhi tuntutan semasa serta merakyatkan perkhidmatan awam.

Akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih dan menyeru seluruh warga Kota Tinggi agar terus memberi sokongan kepada MD Kota Tinggi dan berganding bahu membangunkan Kota Tinggi serta dapat bersama-sama mengekalkan identiti Kota Tinggi sebagai Satu Daerah Pelancongan Bersejarah.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SEDIA MEMBANTU MUDAH URUSAN"**

Saya yang menjalankan amanah

**(MOHD FAHMY BIN YAHYA)
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**



KATA ALU-ALUAN

PENGERUSI JAWATANKUASA PELAN STRATEGIK MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khasnya kepada warga kerja Majlis Daerah Kota Tinggi dalam menyediakan Dokumen Pelan Strategik Majlis Daerah Segamat bagi tahun 2021 hingga 2030.

Pembentukan pelan strategik ini dimulakan dengan beberapa siri perbincangan dan bengkel bagi membincangkan visi, misi dan hala tuju Majlis Daerah Kota Tinggi bagi beberapa tahun akan datang. Objektif dan strategi yang digariskan telah mengambilkira dasar-dasar pembangunan semasa yang sedang berkuatkuasa. Tempoh sembilan (9) tahun bermula 2021 dipilih kerana tempoh ini dianggap praktikal bagi melaksanakan strategi yang digariskan. Walau bagaimanapun pelan strategik ini akan dikaji semula setiap tahun mengikut keperluan semasa.

Pelan strategik ini akan dijadikan bahan rujukan utama dan panduan kepada semua warga kerja Majlis Daerah Kota Tinggi dalam melaksanakan tugas dan membuat keputusan bagi mencapai Visi dan Misi yang ditetapkan. Kejayaan Pelaksanaan Pelan Strategik ini adalah bergantung sepenuhnya kepada komitmen seluruh warga kerja Majlis Daerah Kota Tinggi sama ada diperingkat pengurusan atasan, pengurusan pertengahan dan kumpulan sokongan. Diharapkan semua warga kerja akan dapat menghayati Pelan Strategik ini untuk kita bersama-sama bekerja dalam satu pasukan bagi merealisasikan aspirasi Visi Majlis Daerah Kota Tinggi

Saya yang menjalankan amanah

(MOHD AMIRZA BIN MISNADI)
SETIAUSAHA,
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

RINGKASAN EKSEKUTIF

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

Majlis Daerah Kota Tinggi yang dahulunya lebih dikenali sebagai Lembaga Bandaran merupakan pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab mengurus, mentadbir dan mengawal selia pembangunan serta perancangan di sebahagian besar kawasan Daerah Kota Tinggi iaitu sebagaimana di Rajah 1.0

2021 -
2030

Pelan Strategik MDKT ini merupakan pelan jangka panjang yang merangkumi visi dan misi, moto dan slogan, nilai-nilai bersama, objektif strategik utama dan pelan tindakan bagi memastikan MDKT berupaya menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan dan berada pada tahap siap siaga dengan keupayaan yang tertinggi bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan.

Pelan strategik ini diyakini akan menjadi pencetus kepada budaya kerja yang berdaya saing, progresif dan peka kepada kehendak stakeholdres dan pelanggan. Pelan strategik ini memberi senario menyeluruh mengenai perancangan dan pelaksanaan strategi untuk MDKT khasnya dan Daerah kota Tinggi secara amnya.

Pelan Strategik ini akan dinilai semula berdasarkan strategik-strategik yang dirancang menggunakan kaedah-kaedah sasaran dan Key Performance Indicator (KPI).





PENGENALAN



PELAN STRATEGIK
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 2021 -2030

PENGENALAN

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

Pada awal penubuhan Majlis Daerah Kota Tinggi dikenali sebagai Lembaga Bandaran di mana sebahagian Pentadbiran adalah di bawah pentadbiran Pihak Kerajaan. Pada 01 April 1961, Lembaga Bandaran telah ditukar kepada Majlis Bandaran di mana keseluruhan pentadbiran menjadi Badan Berkanun dan Kewangan Berautonomi serta mendapat bantuan pemberian dari Kerajaan Negeri.

Pada 01 Januari 1977, Majlis Daerah Kota Tinggi melalui penyusunan semula Penguasa-Penguasa Tempatan di Malaysia Barat dengan menyatukan beberapa buah Penguasa Tempatan mengikut kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) (Peruntukan-Peruntukan Sementara) 1973 untuk diterbitkan dalam satu Lembaga Pengurus.

KAWASAN PENTADBIRAN

KAWASAN KAWALAN - (Kawasan terlibat 40 rantai di kiri / kanan jalan)

BIL	KAWASAN	HEKTAR (HA)
1	BANDAR KOTA TINGGI	38,590
2	ULU SUNGAI JOHOR	91,427
3	ULU SUNGAI SEDILI BESAR	50,505
4	KAMBAU	19,684
5	SEDILI BESAR	20,720
	JUMLAH BESAR	220,927



KAWASAN PENTADBIRAN

KAWASAN PEGANGAN

BIL	KAWASAN	PEGANGAN
1	BANDAR KOTA TINGGI	24,443
2	BANDAR TENGGARA	5,021
3	BANDAR PERANI	153
4	BANDAR PETRI JAYA	217
5	SEDILI BESAR	615
6	SUMBANGAN MEMBANTU KADAR	1,956
	JUMLAH BESAR	32,405



Sejarah Kota Tinggi dan perkembangannya dicatatkan bermula dari tahun 1529, iaitu sejak daerah ini mula diteroka oleh Sultan Alauddin Riayat Syah II, pengasas kerajaan Johor yang memerintah dari tahun 1528 hingga 1564. Lokasi pertama yang diterokai baginda dan dijadikan pusat pemerintahan kerajaan Johor Lama adalah di Pekan Tua (Kampung Sungai telur sekarang).

Nama Kota Tinggi mengambil sempena pembinaan lapan buah kota pertahanan oleh sultan-sultan Johor sepanjang persisiran Sungai Johor, iaitu Kota Kara(1529), Kota Sayong(1536), Kota Batu(1540), Kota Seluyut(1564), Kota Batu Sawar(1587), Kota Touhid(1623), Kota Tinggi(1685), Kota Panchor(1716). Sejarahwan tempatan bersetuju bahawa dengan mengambil nama sempena pembinaan 'Kota-kota' pertahanan yang semuanya terletak di 'Tanah Tinggi' itu membuatkan nama Kota Tinggi tersurat sebagai nama daerah ini sehingga sekarang.

Dari segi sebutan, tarikh paling awal nama Kota Tinggi disebut adalah merujuk semasa zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah II (1685-1699). Sementara itu, tarikh Sultan Mahmud Syah II mula menjadikan Kota Tinggi sebagai pusat pemerintahan adalah pada tahun 1688, iaitu apabila baginda dibawa berpindah dari Riau ke Kota Tinggi.

Jika merujuk kepada bandar Kota Tinggi, lokasi paling awal diteroka adalah di kawasan Kota Touhid. Sultan Abdul Jalil Syah III ialah sultan yang bertanggungjawab membuka Kota Touhid pada tahun 1623 dan memerintah di situ dari tahun 1623 hingga 1677. Tetapi sejarahwan tempatan bersetuju bahawa, nama Kota Tinggi paling awal atau pertama kali disebut adalah pada tahun 1688 oleh Sultan Mahmud Syah II.


Berdasarkan peristiwa dan tarikh-tarikh itu (1528, 1623, dan 1688), tahun 1688 ialah tarikh yang wajar diterima sebagai tarikh Kota Tinggi dibuka dan lokasi berkenaan terletak dalam Kampung Makam.

Selepas tarikh-tarikh itu sehingga negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Bandar Kota Tinggi melalui proses pembangunan yang pesat dan menjadi bandar ternama berpandukan sedia ada sekarang.





CARTA ORGANISASI
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI





FUNGSI

Menilai pegangan berkadar bagi maksud cukai taksiran harta

Mengatur dan mengawal pelesenan premis, aktiviti peniaga dan aktiviti sosial

Mengatur dan mengawal pembangunan, kemudahan awam dan kemudahan asas

Mengatur dan mengawal pembangunan, kemudahan awam dan kemudahan asas

Merancang dan melaksanakan pembangunan kawasan MDKT di dalam pelbagai aspek selaras dengan dasar dan strategi pembangunan





STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI




STAKEHOLDERS

- SUK
- AHLI MAJLIS PBT
- KERAJAAN PERSEKUTUAN
- KERAJAAN NEGERI

PELANGGAN

- PENDUDUK DAERAH KOTA TINGGI
- PELAWAT ATAU PELANCONG
- KAKITANGAN KERAJAAN DAN SWASTA
- PEMILIK KEDIAMAN / PREMIS PERNIAGAAN
- NGO



HALA TUJU STRATEGIK



PELAN STRATEGIK
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 2021 -2030



VISI

“MENJADIKAN KOTA TINGGI PBT PERBANDARAN YANG PROGRESIF DAN MAMPAN”

Visi MDKT ini mmenetapkan OBjektif STRATEGIK yang diharapkan akan terbentuk dan tercapai. Visi ini merangkumi dua elemen iaitu Perbandaran yang progresif dan mampan. Dua elemen ini diharap dapat memenuhi keperluan sosio – ekonomi, rekreasi dan rohaniah bagi masyarakat Kota Tinggi yang terdiri daripada pelanggan, warga kerja dan pengunjung.

PROGRESIF

MDKT yang berdaya maju dari aspek ekonomi, politik, sosial, rohani, psikologi dan budaya



MAMPAN

MDKT yang sentiasa berkeupayaan dalam Memberi perkhidmatan Yang berterusan



MISI

MISI MDKT

MERANCANG, MENGURUS, MENGAWALSELIA DAN MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN DENGAN CEKAP DAN BERKESAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI HIDUP MASYARAKAT

Merancang dasar pembangunan Daerah Kota Tinggi

Meningkatkan kualiti masyarakat dari aspek sosial, sosio-ekonomi, sahsiah dan rohaniah

Mengurus sistem pentadbiran yang lebih tadbir urus dan berintegriti

Misi MDKT adalah sebagaimana berikut :

Mengawalselia kemudahan awam dan asas supaya kondusif kepada pelanggan

Menyampaikan perkhidmatan yang lebih efisien dan mesra pelanggan

MOTO DAN SLOGAN

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI




MOTO :

**" Sedia Membantu
Mudah Urusan "**

SLOGAN :

" Anda Dihargai "





STRATEGI & FORMULASI TINDAKAN



PELAN STRATEGIK
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 2021 -2030



STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

I. KAEDAH PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK
II. ANALISA SWOT
III. ANALISA PESTEL

01 KEKUATAN (S)

1. Sumber manusia yang kompeten
2. Kemudahan ICT
3. Pegawai yang berkemahiran dalam aplikasi ICT
4. Pembangunan sistem dan aplikasi secara in-house
5. Esprit de Corps
6. Pembudayaan Kerja melalui dokumen elektronik
7. Penempatan pegawai berdasarkan waran perjawatan (Myportfolio)
8. Peningkatan Kerjaya Pegawai
9. Pembangunan Kemahiran Kendiri
10. Dasar latihan yang berterusan kepada pegawai
11. Persijilan MS ISO 9001:2015
12. Pengiktirafan 5 Bintang menerusi Sistem Penarafan Bintang (SPB-PBT)
13. Mempunyai Rancangan Tempatan yang komprehensif

02 KELEMAHAN (W)

1. Penglibatan keseluruhan pegawai dalam menggubal dasar organisasi
2. Inisiatif dalam mewujudkan sumber hasil baru
3. Peningkatan kos operasi perkhidmatan pembersihan
4. Kadar sewa premis yang rendah
5. Peningkatan jumlah aduan awam
6. Penggunaan aplikasi ICT yang optimum
7. Kaedah komunikasi dalaman dan luar organisasi
8. Keberkesanan proses komunikasi di dalam dan luar organisasi
9. Kekurangan sumber manusia bagi anggota yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan
10. Pembangunan yang tidak seimbang

03 PELUANG (O)

1. Penglibatan komuniti dalam aktiviti organisasi
2. Komuniti penduduk berdasarkan semua peringkat kumpulan sasar yang aktif di dalam kawasan pentadbiran
3. Kepadatan penduduk
4. Jaringan sosial
5. Capaian kemudahan internet
6. Jalinan kerjasama yang baik bersama pihak berkepentingan
7. Dasar kerajaan mesra pelabur (Fast Track System) bagi projek berimpak tinggi
8. Peningkatan kawasan kediaman
9. Perkembangan kawasan industri
10. Tanah lapang dalam kawasan pentadbiran
11. Lot kawasan industri
12. Lokasi dan demografi yang strategik
13. Lokasi yang bersempadan dengan kawasan tumpuan
14. Bangunan warisan
15. Pembangunan kawasan tumpuan pelancong
16. Produk pelancongan tempatan
17. Keindahan flora dan pokok warisan
18. Sumber asli dan mineral yang berkualiti
19. Jaringan pengangkutan awam yang berkesan
20. Penggubalan dasar yang menjadi rujukan organisasi
21. Perlaksanaan penswastan berdasarkan kedudukan kewangan organisasi
22. Cukai kepada estet dalam kawasan pentadbiran
23. Perubahan status tanah pertanian kepada komersial bercampur

04 ANCAMAN (T)

1. Campur tangan politik dalam menentukan hala tuju organisasi
2. Presepsi negatif masyarakat terhadap perkhidmatan organisasi
3. Pemahaman masyarakat yang tidak jelas mengenai organisasi
4. Komuniti dalam lokaliti yang tidak bermuafakat
5. Migrasi keluar penduduk sedia ada
6. Penilaian semula kadar cukai taksiran tidak dapat dilaksanakan
7. Tapak pelupusan sampah haram
8. Vandelisme yang berleluasa merosakkan harta awam
9. Pembinaan bangunan tanpa kelulusan
10. Lambakan warga asing
11. Kos sara hidup yang semakin meningkat
12. Ketidapatuhan undang-undang dan dasar organisasi
13. Pembangunan ekonomi yang tidak bersaya saing

ANALISA PESTEL

(POLITICAL, ECONOMIC, SOCIAL, TECHNOLOGICAL, ENVIRONMENTAL, LEGAL)

POLITIK (P)

Naturalisasi dalam penerimaan sebarang bentuk perubahan luaran dan dalaman dalam masa yang singkat untuk diadaptasi dalam pengurusan organisasi merupakan sebuah cabaran yang perlu dilaksanakan agar keperluan pihak-pihak berkepentingan dan penyampaian organisasi secara keseluruhan dalam keadaan yang dinamik.

EKONOMI (E)

Kedudukan yang strategik menjadi input utama dalam merangka pelan pembangunan yang membolehkan limpahan ekonomi secara menyeluruh dan memberi implikasi positif terhadap perkembangan ekonomi komuniti di dalam kawasan pentadbiran. Jaringan kerjasama yang menyeluruh bersama stakeholder wajar dipertingkatkan dalam usaha merangka pembangunan seterusnya mengwujudkan peluang dan ruang yang lebih terbuka kepada pihak berkepentingan dalam usaha penjaan ekonomi bandar.

SOSIAL (S)

Penglibatan penduduk di dalam setiap aktiviti serta program rasmi menunjukkan peningkatan tahap keterbukaan terhadap organisasi. Ekspektasi yang semakin meningkat juga mendorong peningkatan kepada peningkatan daya saing organisasi, tetapi juga menyediakan satu persekitaran yang sihat untuk meningkatkan daya saing sektor ekonomi dan kesejahteraan penduduk di dalam kawasan pentadbiran.

Oleh yang demikian, organisasi perlu melaksanakan transformasi dan tidak terhad kepada melaksanakan perkhidmatan teras semata-mata. Mendedaya upaya anggota komuniti supaya mempunyai rasa kepunyaan, prihatin terhadap harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama serta rasa tanggungjawab terhadap komuniti dan kawasan tempat tinggal merupakan elemen yang perlu diperhalusi.

TEKNOLOGI (T)

Era globalisasi dan peningkatan tahap pendedahan secara keseluruhan dalaman mahupun luaran organisasi menjadikan perkembangan teknologi ke tahap infiniti. Kemudahan yang diberikan perlu bersifat leading-edge dalam memastikan keperluan luaran dan dalaman dapat dipenuhi. Objektif utama pembangunan sesebuah aplikasi perlu merangkumi elemen yang menjimatkan kos operasi, pengurangan penggunaan sumber manusia dan menjimatkan masa tindakan agar implikasi yang berterusan diperolehi.

PERSEKITARAN (E)

Pembangunan mampan adalah "pembangunan yang dapat memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan peluang generasi akan datang untuk memenuhi kehendak mereka" (Laporan Bruntland). Pembangunan mampan mengambilkira elemen-elemen ekonomi dan sosial sebagai sub komponen kepada persekitaran pembangunan mampan. Secara ringkasnya, masyarakat bergantung kepada kesejahteraan ekonomi, begitu juga sebaliknya, di mana masyarakat dan ekonomi juga bergantung kepada kesejahteraan alam sekitar.

Oleh itu, terma kemampanan persekitaran, serta kemampanan sosial dan ekonomi, membawa maksud bahawa bekalan sumber yang kritikal (biodiversiti) dan proses-proses ekologi perlu dilindungi. Objektif utama perancangan guna tanah adalah untuk menyumbang ke arah pencapaian pembangunan mampan. Sebahagian besar aktiviti pembangunan dijalankan di atas tanah, di mana bagi sebidang tanah yang sama, akan berlaku banyak persaingan untuk kegunaan yang berbeza.

UNDANG-UNDANG (L)

Mengwujudkan persekitaran dan kawal selia yang baik dalam melaksana dan menyediakan peraturan perlu untuk memastikan sistem kerja dan penguatkuasaan berkesan. Meningkatkan ketelusan, kesaksamaan dan akauntabiliti menjadi kunci utama terhadap kejayaan sesebuah peraturan atau dasar yang dirangka.

Mewujudkan suasana kawal seliaan yang baik ke arah membangunkan sebuah ekonomi yang dapat menari pelaburan dan memudahkan perniagaan. Pengawal selia yang berkesan ini selari dengan aspirasi organisasi untuk menjana peluang ekonomi yang berpendapatan tinggi dan berdaya saing berdasarkan pembangunan dan pertumbuhan yang inklusif.



SENARIO EKONOMI

1. Perancangan Pembangunan Jangka Panjang yang menyeluruh.

Perancangan pembangunan jangka panjang boleh dilihat berdasarkan pelan Rancangan Tempatan Daerah Kota Tinggi 2030 (Penggantian) yang dalam peringkat penyediaan. Perancangan di dalam Rancangan Tempatan Daerah Kota Tinggi 2030 (Penggantian) akan memperincikan perancangan di setiap kawasan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Kota Tinggi. Penyusunan semula zon perancangan guna tanah sangat penting kesan daripada persempadanan semula PBT. Bagi mencapai pembangunan Bandar mampan suatu anjakan paradigm Bandar perlu dilaksanakan berasaskan dimensi bersepadu pembangunan mampan iaitu sosio - ekonomi dan alam sekitar.

2. Persempadanan semula kawasan Pentadbiran MDKT.

Pesempadanan semula kawasan pentadbiran MDKT telah member kesan terhadap perubahan pembangunan ekonomi yang dilihat telah menyebabkan berkurangan hasil pendapatan MDKT.

ANALISIS PERSEKITARAN

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI



3. Karakter kawasan pentadbiran MDKT

Kawasan pentadbiran MDKT adalah disasarkan membangun ke arah perbandaran berteraskan pelancongan warisan dan pelancongan eko, pertanian, penternakan berteknologi tinggi, pembangunan pertanian dan penternakan memfokuskan kepada pengkelan makanan negara, komoditi dan ternakan (lembu dan unggas). Ianya merupakan antara karakter kawasan MDKT yang berupaya menjadi aset penting dalam menjana ekonomi dan pembangunan Daerah Kota Tinggi.

Kawasan pentadbiran MDKT juga mempunyai potensi yang kuat untuk menjalankan industri hiliran tani berasaskan kelapasawit yang mampu meningkatkan peluang pekerjaan dan tahap ekonomi daerah. Aktiviti ternakan haiwan dan perikanan juga merupakan satu potensi dan boleh dibangunkan lagi melalui penggunaan produk bioteknologi.

ANALISIS PERSEKITARAN

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI



4. Pembukaan Taman Perumahan Baharu

Pembukaan beberapa taman-taman perumahan baharu yang berskala besar seperti Taman Saujana, Taman Daiman Jaya, Taman Perumahan Plenitude dan di kawasan Bandar Akademik YPJ akan membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi bandar Kota Tinggi.

5. Cabaran Perancangan Dan Pembangunan

Kawasan pentadbiran MDKT terletak di antara dua wilayah pembangunan utama Negara iaitu Iskandar Malaysia dan Wilayah Pembangunan Pantai Timur (ECER). Perletakan yang bersebelahan ini menyebabkan wujudnya tekanan pembangunan terutama di bahagian barat dan timur laut daerah.

6. Kewujudan Bandar Akademik YPJ

Kewujudan institusi pengajian tinggi awam telah member peluang kepada masyarakat untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang kemahiran menerusi kursus yang ditawarkan.

ANALISIS PERSEKITARAN

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

OBJEKTIF STRATEGIK

6 ELEMEN OBJEKTIF STRATEGIK UTAMA MDKT:



MEMPERKASA TADBIR URUS ORGANISASI MDKT
AGAR LEBIH EFEKTIF DAN TERSUSUN



MEWUJUDKAN ORGANISASI YANG
BERPENDAPATAN TINGGI DENGAN MEMPERKASA
PENGURUSAN HASIL DAN MEMASTIKAN
PERBELANJAAN YANG CEKAP DAN BERHEMAH



MEMANTAPKAN PENGGUNAAN ICT SECARA
HOLISTIK



MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN
PERKHIDMATAN YANG MESRA PELANGGAN,
EFISYEN DAN BERKUALITI



PEMBANGUNAN BANDAR YANG MAMPAN DAN
BERDAYA HUNI (LIVEABLE CITIES)



MEMBANGUNKAN KOTA TINGGI SEBAGAI PUSAT
PELANCONGAN WARISAN DAN ALAM
SEMULAJADI YANG BERDAYA MAJU



TERAS STRATEGIK

OBJEKTIF STRATEGIK 01:

MEMPERKASA TADBIR URUS ORGANISASI MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI AGAR LEBIH EFEKTIF DAN TERSUSUN

STRATEGI 01 : PEMANTAPAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

STRATEGI 02 : PENJAJARAN SEMULA ORGANISASI

STRATEGI 03 : MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF DAN SELAMAT

STRATEGI 04 : SEMAKAN BERIMBANG (CHECK AND BALANCE) BAGI SETIAP PERKHIDMATAN TERAS TERMASUK TINDAKAN, DOKUMENTASI, PELAKSANAAN SERTA IMPLIKASI

OBJEKTIF STRATEGIK 02:

MEWUJUDKAN ORGANISASI YANG BERPENDAPATAN TINGGI DENGAN MEMPERKASA PENGURUSAN HASIL DAN MEMASTIKAN PERBELANJAAN YANG CEKAP DAN BERHEMAH

STRATEGI 01 : MENINGKATKAN KUTIPAN HASIL CUKAI

STRATEGI 02 : PENJANAAN HASIL BARU

STRATEGI 03 : MEMPERKUKUHKAN USAHA-USAHA MENINGKATKAN HASIL SEMASA

STRATEGI 04 : KAWALAN PERBELANJAAN EFISIEN



TERAS STRATEGIK

**OBJEKTIF STRATEGIK 03:
MEMANTAPKAN PENGGUNAAN ICT SECARA HOLISTIK**

**STRATEGI 01 : MELAKSANAKAN DAN MEMBUDAYA PENGGUNAAN
ICT DI PERINGKAT DALAMAN DAN LUARAN SECARA
KOMPREHENSIF**

STRATEGI 02 : PENINGKATAN KESELAMATAN INFRASTRUKTUR ICT

**OBJEKTIF STRATEGIK 04:
MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN YANG MESRA
PELANGGAN, EFISYEN DAN BERKUALITI**

**STRATEGI 01 : MENGGALAKKAN AMALAN KEBERSIHAN DI
KAWASAN KEDIAMAN, PERSEKITARAN KERJA,
INSTITUSI PENDIDIKAN DAN TEMPAT AWAM**

**STRATEGI 02 : MENAMBAH BAIK MEKANISMA PENGURUSAN SISA
PEPEJAL**

**STRATEGI 03 : MEMELIHARA DAN MEMULIHARA SUMBER SEMULA
JADI, LANDSKAP YANG BERIDENTITI DAN
TEKNOLOGI YANG MESRA ALAM**

**STRATEGI 04 : MENINGKATKAN PENGUATKUASAAN DAN
PEMANTAUAN YANG EFISIEN**



TERAS STRATEGIK

OBJEKTIF STRATEGIK 05:

PEMBANGUNAN BANDAR YANG MAMPAN DAN BERDAYA HUNI
(LIVEABLE CITIES)

STRATEGI 01 : PEMBANGUNAN SEIMBANG DAN PERSEKITARAN
YANG KONDUSIF

STRATEGI 02 : ASPEK INFRASTRUKTUR, MEKANIKAL DAN
ELEKTRIKAL

STRATEGI 03 : PENGURUSAN INFRASTRUKTUR - LANDSKAP,
REKREASI DAN KEMUDAHAN AWAM

STRATEGI 04 : PERKHIDMATAN & ADVOKASI AWAM

STRATEGI 05 : MENGGALAKKAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN
PIHAK LUAR DALAM MEMBANTU MENAMBAH BAIK
INFRASTRUKTUR SERTA HARTA BERSAMA

OBJEKTIF STRATEGIK 06:

MEMBANGUNKAN KOTA TINGGI SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN
WARISAN DAN ALAM SEMULA JADI YANG BERDAYA MAJU

STRATEGI 01 : MERANCANG, MEMBANGUN DAN
MEMPERTINGKATKAN PROGRAM/ TINDAKAN/
STRATEGI DAN TARIKAN PELANCONG SECARA
BERSEPADU

STRATEGI 02 : MEMPERGIAT PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM
SEKTOR PELANCONGAN SETEMPAT MENERUSI
KONSEP COMMUNITY BASED TOURISM



PELAN TINDAKAN STRATEGIK

**OBJEKTIF STRATEGIK 01:
MEMPERKASA TADBIR URUS ORGANISASI MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI AGAR LEBIH
EFEKTIF DAN TERSUSUN**

Strategi 01: Pemantapan Pembangunan Modal Insan

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Pelaksanaan Pelan Pembangunan Sumber Manusia	Pembentangan pelaporan di dalam Mesyuarat Panel Pembangunan Manusia (PPSM)	Setahun Sekali	2021 - 2030	
PT2. Meningkatkan Kemahiran Dan Kompetensi Melalui Latihan Yang Berterusan	Pematuhan Kepada Pelan Operasi Latihan (POL) 3 Hari Berkursus	Januari - Disember	2021 - 2030	Jabatan Khidmat Pengurusan
PT3. Penekanan Kepada Program Pengukuhan Integriti	Pematuhan Kepada Pelan Pencegahan Risiko Rasuah MDKT	Januari - Disember	2021 - 2030	



**OBJEKTIF STRATEGIK 01:
MEMPERKASA TADBIR URUS ORGANISASI MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI AGAR LEBIH
EFEKTIF DAN TERSUSUN**

Strategi 02: Penjanaan Hasil Baru

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Pelaksanaan Undang-Undang Dan Dasar Semasa Dalam Memastikan Hasil-Hasil Cukai Dan Bukan Cukai Yang Dapat Meningkatkan Pendapatan Organisasi Dikutip Sepenuhnya	I. Pemantauan Perubahan Dan Pegangan Menerusi Pindaan Nilai	Meningkatkan Pendapatan Sebanyak RM 8 Juta	2021 - 2030	Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
	II. Penetapan Kadar Lesen Terpilih Berdasarkan Keluasan Lantai Premis Bagi Peningkatan Hasil	Jumlah Penambahan Hasil Sebanyak RM300,000.00		Jabatan Kewangan
	III. Pemutihan bagi premis tidak berlesen dalam kawasan pentadbiran	Jumlah Penambahan Hasil Sebanyak RM100,000.00		Jabatan Kesihatan & Pelesenan Jabatan Kewangan



**OBJEKTIF STRATEGIK 01:
MEMPERKASA TADBIR URUS ORGANISASI MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI AGAR LEBIH
EFEKTIF DAN TERSUSUN**

Strategi 03: Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif Dan Selamat

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Memenuhi Kriteria Yang Telah Ditetapkan Dalam Indikator SPB-PBT	Mengekalkan Prestasi 5 Bintang pada 2020, 2022, 2024, 2026, 2028, 2030	Setiap 2 tahun	2021 - 2030	Jabatan Khidmat Pengurusan
PT2. Memenuhi Kriteria Yang Telah Ditetapkan Dalam Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015	Memastikan Semua Prosedur Dipatuhi	Jan-Dis		



**OBJEKTIF STRATEGIK 01:
MEMPERKASA TADBIR URUS ORGANISASI MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI AGAR LEBIH
EFEKTIF DAN TERSUSUN**

Strategi 04: Semakan Berimbang (check and balance) bagi setiap perkhidmatan teras termasuk tindakan, dokumentasi, pelaksanaan serta implikasi

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
	Bilangan Semakan:		2021 - 2030	
PTI. Menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam	I. Pemeriksaan Mengejut	2 Kali Setahun	Jan-Jun Jul-Dis	Unit Audit Dalam
	II. Pengurusan Prestasi	Mengikut Keperluan	Jan-Dis	
	III. Mesyuarat Jawatankuasa Audit	4 Kali Setahun	Jan-Dis	



**OBJEKTIF STRATEGIK 02:
MEWUJUDKAN ORGANISASI YANG BERPENDAPATAN TINGGI DENGAN MEMPERKASA
PENGURUSAN HASIL DAN MEMASTIKAN PENGURUSAN PERBELANJAAN YANG CEKAP DAN
BERHEMAH**

Strategi 01: Meningkatkan Kutipan Hasil Cukai

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Mempertingkatkan Jumlah Pegangan Dan Pendapatan Bercukai	I. Setiap pegangan dalam kawasan operasi dimasukkan dalam senarai nilai dan dikenakan cukai	10,000 pegangan baru dan pindaan semasa	2021-2023	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
	II. Penilaian Semula Pegangan Cukai Taksiran Dengan Kelulusan Kerajaan Negeri	Pertambahan Cukai Sebanyak 20%		



**OBJEKTIF STRATEGIK 02:
MEWUJUDKAN ORGANISASI YANG BERPENDAPATAN TINGGI DENGAN MEMPERKASA
PENGURUSAN HASIL DAN MEMASTIKAN PENGURUSAN PERBELANJAAN YANG CEKAP DAN
BERHEMAH**

Strategi 01: Meningkatkan Kutipan Hasil Cukai

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT2. Penguatkuasaan Ke Atas Kutipan Tunggakan Hasil	I. Penguatkuasaan Tunggakan Cukai Taksiran	I. 25% Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran II. 85% Kutipan Semasa Cukai Taksiran	2021 - 2030	Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
	II. Meningkatkan Kutipan Tunggakan Sewaan Premis Milik MDKT	I. 25% Kutipan Tunggakan Sewaan Premis II. 85% Kutipan Semasa Sewaan Premis		Jabatan Kewangan
	I. Inisiatif baharu penambahbaikan proses dan prosedur pelan pemajuan	Menyediakan prosedur Kota Tinggi Fast Lane (KTFL)		Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap
PT3. Mempercepatkan Proses Kelulusan Pembangunan (‘Fast Track Approval’)			2021- 2030	Jabatan Kejuruteraan
				Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
				Jabatan Penguatkuasaan
				Unit OSC
				Unit Undang-Undang



**OBJEKTIF STRATEGIK 02:
MEWUJUDKAN ORGANISASI YANG BERPENDAPATAN TINGGI DENGAN MEMPERKASA
PENGURUSAN HASIL DAN MEMASTIKAN PENGURUSAN PERBELANJAAN YANG CEKAP DAN
BERHEMAH**

Strategi 01: Meningkatkan Kutipan Hasil Cukai

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT4. Menjalankan Pemutihan Bangunan Yang Telah Siap Dibina	Pemeriksaan Semula Bangunan	Menyemak 10 Skim Pembangunan Setiap Tahun	2021 - 2030	Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap Jabatan Penguatkuasaan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta Jabatan Kejuruteraan Unit OSC Unit Undang-Undang



**OBJEKTIF STRATEGIK 02:
MEWUJUDKAN ORGANISASI YANG BERPENDAPATAN TINGGI DENGAN MEMPERKASA
PENGURUSAN HASIL DAN MEMASTIKAN PENGURUSAN PERBELANJAAN YANG CEKAP DAN
BERHEMAH**

Strategi 02: Penjanaan Hasil Baru

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Pelaksanaan Undang-Undang Dan Dasar Semasa Dalam Memastikan Hasil-Hasil Cukai Dan Bukan Cukai Yang Dapat Meningkatkan Pendapatan Organisasi Dikutip Sepenuhnya	I. Pemantauan Perubahan Dan Pegangan Menerusi Pindaan Nilai	Meningkatkan Pendapatan Sebanyak RM 8 Juta	2021 - 2030	Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta Jabatan Kewangan
	II. Penetapan Kadar Lesen Terpilih Berdasarkan Keluasan Lantai Premis Bagi Peningkatan Hasil	Jumlah Penambahan Hasil Sebanyak RM300,000.00		Jabatan Kesihatan & Pelesenan Jabatan Kewangan
	III. Pemutihan bagi premis tidak berlesen dalam kawasan pentadbiran	Jumlah Penambahan Hasil Sebanyak RM100,000.00		



**OBJEKTIF STRATEGIK 02:
MEWUJUDKAN ORGANISASI YANG BERPENDAPATAN TINGGI DENGAN MEMPERKASA
PENGURUSAN HASIL DAN MEMASTIKAN PENGURUSAN PERBELANJAAN YANG CEKAP DAN
BERHEMAH**

Strategi 02: Penjanaan Hasil Baru

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Pelaksanaan Undang-Undang Dan Dasar Semasa Dalam Memastikan Hasil-Hasil Cukai Dan Bukan Cukai Yang Dapat Meningkatkan Pendapatan Organisasi Dikutip Sepenuhnya	IV. Bilangan Program Pemutihan Bagi Ketidapatuhan Di Bawah Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan 1976), Akta 172 (Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976) , Akta 133 (Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974) & Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984	50 Kes	2021 - 2030	Jabatan Kejuruteraan
	V. Peningkatan Hasil Kutipan Tempat Letak Kereta Sebanyak 50%	Peningkatan 5% Setiap Tahun		Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap Jabatan Penguatkuasaan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta Unit OSC Jabatan Penguatkuasaan



**OBJEKTIF STRATEGIK 02:
MEWUJUDKAN ORGANISASI YANG BERPENDAPATAN TINGGI DENGAN MEMPERKASA
PENGURUSAN HASIL DAN MEMASTIKAN PENGURUSAN PERBELANJAAN YANG CEKAP DAN
BERHEMAM**

Strategi 03: Memperkukuhkan Usaha-Usaha Meningkatkan Hasil Semasa

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Meningkatkan Jumlah Pendapatan Daripada Hasil Bukan Cukai	Mewujudkan Saluran Baru Bagi Kemudahan Pembaharuan Lesen	Jumlah: 10 Saluran Disediakan	2021 - 2030	Jabatan Kesihatan & Pelesenan Jabatan Kewangan Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Teknologi Maklumat)
PT2. Penyelarasan Kadar Sewa Bangunan Milik Majlis Daerah Kota Tinggi	Penilaian Semula Kadar Sewa	Dikaji Setiap 5 tahun		Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta Jabatan Kejuruteraan



**OBJEKTIF STRATEGIK 02:
MEWUJUDKAN ORGANISASI YANG BERPENDAPATAN TINGGI DENGAN MEMPERKASA
PENGURUSAN HASIL DAN MEMASTIKAN PENGURUSAN PERBELANJAAN YANG CEKAP DAN
BERHEMAH**

Strategi 04: Kawalan Perbelanjaan Efisien

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
Menyasarkan Kawalan Perbelanjaan Yang Efisien	I. Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan Bagi Setiap Tahun Kewangan	Penyata Kewangan Surplus		Jabatan Kewangan
	II. Penetapan % Perbelanjaan Yang Dibenarkan / Bersasar Berdasarkan Bajet	Penjajaran Semula Bajet	2021 - 2030	
	III. Pematuhan Kepada Arahan Perbendaharaan, Prosedur Dan Lain-Lain Arahan Yang Berkuatkuasa	Tiada Kesilapan		



OBJEKTIF STRATEGIK 03: MEMANTAPKAN PENGGUNAAN ICT SECARA HOLISTIK

Strategi 01: Melaksanakan Dan Membudaya Penggunaan ICT Di Peringkat Dalaman Dan Luaran Secara Komprehensif

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Meningkatkan Perkhidmatan Atas Talian	Bilangan Perkhidmatan Yang Disediakan	80%	2021 - 2030	Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Teknologi Maklumat)

Strategi 02: Peningkatan Keselamatan Infrastruktur ICT

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Penggantian dan Pemasangan Peralatan/ Perisian Rangkaian Dan Keselamatan ICT	Keselamatan Rangkaian Pemasangan Antivirus Firewall	Setiap Tahun	2021-2023	Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Teknologi Maklumat)



**OBJEKTIF STRATEGIK 04:
MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN YANG MESRA PELANGGAN,
EFISIEN DAN BERKUALITI**

Strategi 01: Menggalakkan Amalan Kebersihan Di Kawasan Kediaman, Persekitaran Kerja, Institusi Pendidikan Dan Tempat Awam

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
<p>PTI. Menggunapakai Dasar Kebersihan Negara (2020-2030)</p> <p>1. Perubahan minda dan sikap masyarakat tentang aspek penjagaan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan alam sekitar</p> <p>2. Peningkatan Tahap Kebersihan Kawasan Operasi MDKT</p> <p>3. Pengurangan Pencemaran Alam Sekitar</p> <p>4. Pengurangan Sisa Dihantar Ke Tapak Pelupusan Dan Peningkatan Kadar Kitar Semula</p> <p>5. Penurunan Kes Penyakit Bawaan Vektor</p> <p>6. Peningkatan Kualiti Dan Kemahiran Pekerja Dalam Sektor Pembersihan</p> <p>7. Pengukuhan Tadbir Urus Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam</p> <p>8. Pengurangan Pembiayaan Perbelanjaan MDKT bagi Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam</p>	<p>Bilangan Program Kesedaran Aspek Kebersihan Diri, Keluarga, Komuniti Dan Alam Sekitar</p>	<p>Empat Kali Setahun</p>	<p>2021 - 2030</p>	<p>Jabatan Kesihatan Dan Pelesenan</p> <p>Swcorp</p> <p>SWM Sdn.Bhd</p>



**OBJEKTIF STRATEGIK 04:
MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN YANG MESRA PELANGGAN,
EFISIEN DAN BERKUALITI**

Strategi 02: Menambah Baik Mekanisma Pengurusan Sisa Pepejal

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
<p>PTI. Menerima Pakai Akta 672 (Akta Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam)</p> <p>1. Keseragaman perkhidmatan termasuk penjadualan piawaian dan skop kerja berdasarkan Akta 672</p> <p>2. Penggantian aset yang lebih berkualiti serta pengenalan kenderaan operasi baharu bagi meningkatkan kadar kecekapan</p> <p>3. Mendepani revolusi industri 4.0 dengan kemudahan pemantauan yang komprehensif dan tepat serta mesra pelanggan</p> <p>4. Pengenalan Teknologi Baharu Kitar Semula Yang Berupaya Untuk Mengurangkan Beban Tapak Pelupusan</p>	<p>Pengurangan Aduan 50% daripada tahun semasa pada setiap tahun</p>	<p>Bilangan Aduan berkurangan sebanyak 50% daripada tahun semasa pada setiap tahun</p>	<p>2021 - 2030</p>	<p>Jabatan Kesihatan Dan Pelesenan</p> <p>Swcorp</p> <p>SWM Sdn.Bhd</p>



**OBJEKTIF STRATEGIK 04:
MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN YANG MESRA PELANGGAN,
EFISIEN DAN BERKUALITI**

**Strategi 03: Memelihara dan Memulihara Sumber Semula Jadi, Landskap Yang Beridentiti
Dan Teknologi Yang Mesra Alam**

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Pematuhan Kepada Seksyen 35A (Perintah Pemeliharaan Pokok) Akta 172	Penyediaan Pelan Inventori Pokok Berukur Lilit 0.8 Meter Bagi Kawasan Pembangunan Baru	Mengekalkan Pokok-Pokok Sedia Ada Berukur Lilit 0.8 meter bagi Kawasan Yang Sesuai	2021 - 2030	Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap

Strategi 04: Meningkatkan Penguatkuasaan Dan Pemantauan Yang Efisien

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Memperkasakan Penguatkuasaan Terhadap Aktiviti Melibatkan Pelanggaran Akta 172 dan Akta 133	Bilangan Penguatkuasaan Bersepadu Yang Dijalankan	Sebulan Sekali	2021 - 2030	Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap Unit Undang-Undang Jabatan Kejuruteraan Jabatan Kesihatan & Pelesenan



**OBJEKTIF STRATEGIK 05:
PEMBANGUNAN BANDAR YANG MAMPAN DAN BERDAYA HUNI (LIVEABLE CITIES)**

Strategi 01: Seimbang Dan Persekitaran Yang Kondusif

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Kawasan Yang Direzab Sebagai Kawasan Lapang Diwartakan	Tindakan Mewartakan Tanah Lapang	Memastikan pewartaan		
PT2. Menjadikan Kota Tinggi Sebagai Bandar Mampan	Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MurniNet)	Pencapaian Mampan >80%	2021 - 2030	Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap
PT3. Penyediaan Perumahan Mampan	Komponen Perumahan Mampu Milik	Memastikan Komponen Perumahan Bagi Kawasan Melebihi 20 Ekar Terdiri Daripada 10% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana, 20% Rumah Mampu Milik dan Selebihnya Harga Terbuka		



**OBJEKTIF STRATEGIK 05:
PEMBANGUNAN BANDAR YANG MAMPAN DAN BERDAYA HUNI (LIVEABLE CITIES)**

Strategi 01: Seimbang Dan Persekitaran Yang Kondusif

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT4. Mewujudkan Persekitaran Perbandaran Yang Menarik	Pengindahan Semula Persekitaran Bandar dan Pekan	Pengindahan Persekitaran: i. Zon Bandar ii. Zon Tenggara iii. Zon Sedili	2021 - 2030	Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap
	i. Mengecat Bangunan Usang			
	ii. Pembaikan Laluan Pejalan Kaki			Jabatan Kejuruteraan
	iii. Landskaping			Jabatan Kesihatan & Pelesenan
	iv. Pencahayaannya			
	v. Kebersihan			
vi. Saliran Bandar				



**OBJEKTIF STRATEGIK 05:
PEMBANGUNAN BANDAR YANG MAMPAN DAN BERDAYA HUNI (LIVEABLE CITIES)**

Strategi 02: Aspek Infrastruktur, Mekanikal dan Elektrikal

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Menaiktaraf Perparitan / Saliran Di Dalam Kawasan Operasi	Bilangan Projek / Program Menaiktaraf Jalan Dan Perparitan	50 Projek		
PT2. Meningkatkan Projek Kemudahan Fasiliti Kepada Komuniti	Bilangan Projek menambahbaik fasiliti	10 Projek	2021 - 2030	Jabatan Kejuruteraan
PT3. Penerapan Teknologi Hijau Dalam Projek Menaik Taraf Infrastruktur	Bilangan Projek Menaik Taraf Infrastruktur Berteknologi Hijau (EE/RE)	10 Projek		



**OBJEKTIF STRATEGIK 05:
PEMBANGUNAN BANDAR YANG MAMPAN DAN BERDAYA HUNI (LIVEABLE CITIES)**

Strategi 03: Pengurusan Infrastruktur - Landskap, Rekreasi Dan Kemudahan Awam

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PTI. Mengenalpasti Kawasan-Kawasan Landskap, Rekreasi Dan Kemudahan Awam Yang Perlu Dibaik Pulih	i. Pelan (Blue Print) Komponen Landskap ii. Penyediaan Dokumen Permohonan Bajet Dari JLN	2 Kawasan Setahun (Persekitaran Kehidupan Berfungsi Dan Estetik)	2021 - 2030	Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap Jabatan Landskap Negara

Strategi 04: Perkhidmatan & Advokasi Awam

PTI. Mewujudkan Platform Hebahan/ Makluman/ Interaksi Antara Pihak Berkuasa Tempatan Dan Komuniti Bagi Pelaksanaan Tindakan Tepat Projek Pembangunan	Bilangan Saluran Hebahan/ Makluman/Interaksi Yang Digunapakai	6 Medium Hebahan Yang Digunapakai	2021 - 2030	Jabatan Kejuruteraan Unit Perhubungan Awam & Korporat
---	---	-----------------------------------	-------------	--



**OBJEKTIF STRATEGIK 05:
PEMBANGUNAN BANDAR YANG MAMPAN DAN BERDAYA HUNI (LIVEABLE CITIES)**

Strategik 05: Menggalakkan Kerjasama Strategik Dengan Pihak Luar Dalam Membantu Menambah Baik Infrastruktur Serta Harta Bersama

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Mewujudkan Platform Kerjasama Pelbagai Agensi Kerajaan, NGO dan Komuniti	Peratusan Pencapaian Kajian Kepuasan Pelanggan Pada Tahap Yang Baik	85% Pencapaian Kajian Kepuasan Pelanggan	2021 - 2030	Unit Perhubungan Awam & Korporat
PT2. Menganjurkan Program Yang Melibatkan Kolaborasi Strategik	Pengurangan Kes 'Wrong Door Policy'	90% Pengurangan Kes 'Wrong Door Policy'		



**OBJEKTIF STRATEGIK 06:
MEMBANGUNKAN KOTA TINGGI SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN WARISAN DAN ALAM
SEMULA JADI YANG BERDAYA MAJU**

**Strategi 01: Merancang, Membangun Dan Mempertingkatkan Program/ Tindakan/ Strategi
Dan Tarikan Pelancong Secara Bersepadu**

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
PT1. Merejuvenasikan Bandar Kota Tinggi	I. Menaiktaraf Landskap Bandar Kota Tinggi	Setiap Tahun	2021 - 2030	Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap Jabatan Kejuruteraan Jabatan Pembangunan Masyarakat
	II. Menaiktaraf Jeti-Jeti Pelancongan			
	III. Menaiktaraf Pantai Dibawah Kawasan Pentadbiran MDKT			
PT2. Memulihara Dan Memelihara Makam-Makam Bersejarah	Bekerjasama dengan Pej.Daerah Kota Tinggi, Yayasan Warisan Johor, Tourism Johor	Setiap Tahun		



**OBJEKTIF STRATEGIK 06:
MEMBANGUNKAN KOTA TINGGI SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN WARISAN DAN ALAM
SEMULA JADI YANG BERDAYA MAJU**

**Strategi 02: Mempergiat penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan setempat
menerusi konsep Community Based Tourism**

Pelan Tindakan	Indikator	Sasaran	Tahun Sasaran	Jabatan/Unit Bertanggungjawab
Mengenalpasti Dan Membantu Pembangunan Produk Pelancongan Setempat Dengan Penglibatan Komuniti	Bilangan Produk Pelancongan	1 Produk 1 Tahun	2021 - 2030	Jabatan Pembangunan Masyarakat





PENUTUP

PELAN STRATEGIK

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan Negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat dan masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik Majlis Daerah Kota Tinggi telah mengariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta pelan tindakan yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaian dapat diukur berdasarkan KPI berkaitan. Pelan Strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

